



## UDA HOLDINGS BERHAD

### UDA lancar Projek CSR terbaru; 'Project RE' (React, Rebuild, Reenergize)

Bukit Mertajam, 4 Mac –UDA Holdings Berhad (UDA) sentiasa prihatin dan peka dengan keperluan masyarakat setempat. Bagi mendekati dan menambah baik komuniti setempat dan alam sekitar, UDA mengambil inisiatif dengan memperkenalkan tanggungjawab sosial korporat (CSR) terbaru iaitu 'Project RE' (React, Rebuild, Reenergize).

Projek RE adalah salah satu program CSR yang dirangka untuk sepanjang tahun 2018 dan bakal dijalankan di empat kawasan serantau Semenanjung Malaysia. Matlamat utama program ini adalah untuk memfokuskan pada kemampuan bagi dua tonggak utama iaitu komuniti dan alam sekitar.

Projek yang dijalankan di kawasan utara ini adalah yang pertama untuk tahun ini jadi, UDA turut mengambil kesempatan ini melancarkan Projek RE. Bagi projek pertama, UDA memilih **Madrasah Tahfiz Al-Quran Penanti di Bukit Mertajam, Pulau Pinang**. Dengan usaha sama UDA Land North Sdn Bhd (UDA Land North), UDA memperuntukkan sebanyak RM30,000 untuk membersihkan dan menambah baik kawasan serta bangunan madrasah berkenaan.

Madrasah berkenaan dipilih kerana ia terletak di kawasan Seberang Perai Tengah iaitu di Permatang Pauh di mana kebanyakan projek UDA Land North dibangunkan di kawasan itu seperti Gravitas, Evoke, Scarlet Villa, Arcaria, Wakaf Seetee Aisah, Wakaf Seetee Aisah 2 dan Wakaf Mohammad Hashim. Selain itu, UDA Land North turut membangunkan semula projek terbengkalai Mengkuang Heights yang diambil alih daripada Sri Jeluda Sdn Bhd. Projek kediaman yang terletak paling hampir dengan madrasah itu turut diuruskan UDA Land North dan merupakan salah satu inisiatif CSR UDA.

Berbezadengan program CSR sebelumnya, kali ini UDA berganding bahu bersama anak syarikat iaitu UDA Land North Sdn. Bhd. dan UDA Dayurus Sdn Bhd untuk menjayakan Project RE yang pertama di Pulau Pinang ini. Hasil usaha sama ini bukannya dapat menguatkan elemen kemampuan tetapi dalam masa yang sama membantuprojek CSR menjadi lebih relevan dan mengikut kesesuaian komuniti setempat.

Bekerja rapat dengan anak syarikat khususnya di kawasan tertentu seperti UDA Land North dapat mengenalpasti kawasan atau organisasi yang bertepatan dan secara tidak langsung mewujudkan situasi kebersamaan khususnya antara anak syarikat dengan pihak berkuasa tempatan serta komuniti setempat.

Program yang dijalankan pada 4 Mac 2018 ini dimulakan dengan ketibaan 220 penunggang motosikal berkuasa tinggi yang diketuai YBhg Datuk Seri Dr. Mohd Shafei Abdullah, Pengerusi UDA dan YBhg Datuk Ahmad Abu Bakar, Pengarah Urusan Kumpulan UDA. Acara dimulakan dengan bacaan Al-Quran oleh pelajar tahfiz. Dr. Mohd Shafei turut berucap seterusnya merasmikan 'Project RE' sebelum aktiviti gotong-royong bermula.

**TAMAT**

---

## **MENGENAI UDA HOLDINGS BERHAD**

UDA Holdings Berhad (UDA) merupakan salah satu organisasi pembangunan hartanah dan pengurusan aset yang mampan dan terkemuka di negara ini. Aktiviti utama syarikat termasuk pembangunan tanah, pengurusan harta dan fasiliti, kompleks beli-belah serta industri hospitaliti. UDA telah bertapak kukuh dalam membentuk dan memodenkan Kuala Lumpur, Lembah Klang dan bandar-bandar utama lain di Malaysia sejak tahun 1971.

Untuk maklumat lanjut mengenai UDA, sila layari laman sesawang kami di [www.uda.com.my](http://www.uda.com.my) atau laman Facebook [www.facebook.com/UDAHoldings](http://www.facebook.com/UDAHoldings).

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

- ☐ Latifah Osman (LAT) | [lat@udanet.com](mailto:lat@udanet.com) | +6012 291 5427
- ☐ Nor Hanisah Kamaruzaman | [n.hanisah@udanet.com](mailto:n.hanisah@udanet.com) | +6013 597 4264

Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan

UDA Holdings Berhad

Tingkat 6, Blok Menara, Kompleks Pertama,

JalanTuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur.

Tel : +603 2730 8500 | Fax : +603 2731 2855